

No. Sebutharga :JBPM/SL/SH(S)/06-2023

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET KERAJAAN (SEBUTHARGA)**

**Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Selangor
No. 3 Persiaran Tebar Layar
Seksyen U8, Bukit Jelutong
40150 Shah Alam, Selangor**

1. Tawaran adalah terbuka dan dipelawa dari syarikat ataupun orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1	PERODUA KEMBARA 1.3 EZ (AUTO)	WJX 3729	1	4,000.00

Aset boleh dilihat pada **28 Mac 2023** hingga **4 April 2023** di antara jam **10.00 pagi** hingga **3.00 petang** di Ibu Pejabat JBPM Negeri Selangor Seperti Lampiran A.

2. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang bernombor siri dan hanya boleh diperoleh daripada **Urusetia Sebutharga** di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
3. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebutharga **JBPM/SL/SH(S)/06-2023** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:

**Unit Pentadbiran Am, Aras 2
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Selangor
No. 3 Persiaran Tebar Layar
Seksyen U8, Bukit Jelutong
40150 Shah Alam, Selangor**

4. Tarikh tutup Sebutharga pada **4 April 2023** jam 12.00 tengahari. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(MORNI BIN MAMAT)

Pengarah

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

Negeri Selangor

Tarikh : 28 Mac 2023

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk Wang Tunai atau Cek sahaja atas nama **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor**.
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang Berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang Berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

LOKASI ASET ALIH KERAJAAN

Bil.	KeteranganAset	No. PendaftaranKenderaan	Lokasi
1	PERODUA KEMBARA 1.3 EZ (AUTO)	WJX 3729	Pejabat Zon 4 Selangor (Hulu Langat) Jalan Pandan Utama 55100 Pandan Indah Kuala Lumpur